

Ambil kira pandangan kakitangan kerajaan

Kuala Lumpur: Pembentukan jawatankuasa atau pasukan petugas khas bagi meneliti dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian penjawat awam, perlu turut membabitkan penyertaan wakil CUEPACS dan kakitangan kerajaan.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata pembabitan wakil kesatuan itu serta kakitangan awam penting bagi membolehkan pandangan secara menyeluruh daripada semua penjawat awam diambil kira bagi tujuan pemuliharaan ekonomi lebih pantas.

Ketika dihubungi *BH* semalam, beliau berkata, ia juga akan mem-

bolehkan setiap langkah penambahbaikan dibentuk berdasarkan pandangan mereka yang pakar serta mewakili pihak yang akan melaksanakan nilai tambah itu.

"Input dan pandangan pihak yang akan melaksanakan penambahbaikan itu amat penting. Kita tidak mahu jika penambahbaikan dilaksanakan, ia sebenarnya tidak memacu sistem perkhidmatan awam bergerak ke hadapan akibat kesilapan pada peringkat awal pembentukan jawatankuasa khas ini.

"Kita tiada masa lagi untuk membuat kajian semula sekiranya langkah penambahbaikan yang dicadangkan jawatankuasa atau pasukan petugas khas nanti

gagal dilaksanakan," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS juga mahu kerajaan memastikan setiap penambahbaikan yang bakal dilaksanakan tidak meminggirkan kebajikan penjawat awam dan setiap dasar atau cadangan bagi menambahbaik sistem perkhidmatan awam perlu dilaksanakan dan ditunaikan sekiranya telah diumumkan.

"CUEPACS tidak mahu rancangan penambahbaikan sistem perkhidmatan awam termasuk dalam hal berkaitan kebajikan penjawat awam ditangguhkan setelah pelbagai kajian dilaksanakan," katanya.

Pada masa sama, beliau meminta penjawat awam sentiasa ko-

mited dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat selaras norma baharu dalam kehidupan ketika ini akibat ancaman COVID-19.

"Penjawat awam perlu terus melihat ke hadapan, kurangkan kerenah birokrasi, kerja lebih baik agar dapat menjayakan hasrat kerajaan memulihkan ekonomi negara lebih pantas. Jika kita lihat, sistem penyampaian perkhidmatan awam dari semasa ke semasa sentiasa menunjukkan peningkatan cemerlang.

"Sepanjang hampir 63 tahun negara mengecapi kemerdekaan, sekiranya dibuat perbandingan dengan negara ASEAN lain, tidak boleh dinafikan sistem penyam-

paian perkhidmatan awam kita lebih baik dan berkesan dalam memberi khidmat kepada negara dan rakyat.

"Lihat bagaimana perkhidmatan kesihatan kita yang berkhidmat cemerlang mengekang penularan COVID-19. Begitu juga dengan sektor keselamatan awam yang sentiasa memainkan peranan terbaik menjaga keselamatan dan ketenteraman umum," katanya.

Katanya, barisan anggota pentadbiran memainkan peranan sebagai petugas barisan belakang bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dan tidak lumpuh walaupun sistem ekonomi hampir ditutup sepenuhnya akibat ancaman virus berkenaan.